



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA  
NEGERI SEMBILAN**

=====

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2018**

---

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**

**Kertas 1**

Satu jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D**.*
4. *Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak.

3 halaman tidak bercetak.

- 1 Maklumat berikut diperoleh dari buku Klinik Zurina.

Pemilik telah mengambil 2 botol ubat demam untuk kegunaan anaknya

Urus niaga tersebut direkodkan sebagai ambilan dalam buku perniagaannya. Apakah andaian yang diamalkan oleh Klinik Zurina?

- A Entiti berasingan
  - B Usaha berterusan
  - C Tempoh perakaunan
  - D Wang sebagai ukuran
- 2 Maklumat berikut diperoleh daripada Persatuan Usahawanita N9 pada 1 Julai 2018.

	<b>RM</b>
Lengkapan	10 000
Inventori makanan sejuk beku	5 000
Bank	15 000
Yuran belum terperoleh	4 000
Sewa belum bayar	3 000

Berapakah Dana Terkumpul Awal?

- A RM23 000
  - B RM29 000
  - C RM31 000
  - D RM37 000
- 3 Kassim dan Chan menubuhkan perniagaan perkongsian KC Marketing tetapi gagal menyediakan Ikatan Perkongsian.
- Antara pernyataan berikut yang manakah benar jika berlaku perselisihan antara pekongsi?
- A Faedah 10% dibayar atas modal pekongsi
  - B Faedah 10% setahun dibayar atas pinjaman pekongsi
  - C Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal pekongsi
  - D Gaji tidak dibayar kepada pekongsi yang menguruskan perniagaan

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga yang berlaku diambil daripada Perniagaan Azrul.

2018 Jun 30 Pulangan belian bernilai RM850
---

Yang manakah menunjukkan kesan urus niaga yang betul?

	<b>Aset</b>	<b>Liabiliti</b>	<b>Ekuiti Pemilik</b>
<b>A</b>	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
<b>B</b>	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
<b>C</b>	Berkurang	Tiada kesan	Bertambah
<b>D</b>	Bertambah	Tiada kesan	Berkurang

- 5 Encik Badruzaman memiliki syer daripada Syarikat Chitra seperti berikut.

4 000 unit Syer Biasa RM2 sesyer
----------------------------------

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen Syer Biasa pada kadar 30 sen sesyer. Berapakah jumlah dividen yang diperoleh?

- A RM1 200  
 B RM2 400  
 C RM8 000  
 D RM12 000
- 6 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Ikmal Najmi Enterprise.

	1 Julai 2017 RM	30 Jun 2018 RM
Promosi Belum Bayar	3 000	-
Promosi Prabayar	-	1 000

Promosi yang telah dibayar berjumlah RM10 000 dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018. Berapakah jumlah promosi yang perlu direkod dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun kewangan tersebut?

- A RM6 000  
 B RM9 000  
 C RM12 000  
 D RM14 000

7 Maklumat berikut diambil daripada Salun Kecantikan Azie.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perniagaan dimulakan pada 1 April 2017</li> <li>• Tempoh perakaunannya berakhir setiap 12 bulan</li> </ul> |
|---|

Bilakah tempoh perakaunan perniagaan Salun Kecantikan Azie berakhir?

- A 30 April 2018  
 B 30 Mac 2018  
 C 31 April 2018  
 D 31 Mac 2018

8 Rumus mengira kos yang terlibat dalam pengeluaran ditunjukkan seperti berikut:

X	=	Kos Bahan Langsung	+	Kos Buruh Langsung	+	Belanja Langsung
---	---	-----------------------	---	-----------------------	---	---------------------

Apakah X?

- A Kos Prima  
 B Kos Overhed  
 C Kos Pengeluaran  
 D Kos Penyelenggaraan

9 Berikut adalah catatan Jurnal Am yang terlibat semasa pembubaran perkongsian.

2018 Jan 31	Realisasi Bank	Debit RM300	Kredit RM300
----------------	-------------------	----------------	-----------------

Apakah urus niaga yang betul untuk catatan di atas?

- A Merekod bayaran balik pinjaman  
 B Merekod bayaran liabiliti tambahan  
 C Merekod penerimaan daripada penjualan aset  
 D Merekod penerimaan daripada Akaun Belum Terima

- 10 Kesilapan yang berikut telah dikesan dalam buku perniagaan seorang peniaga.

Jualan kepada Mira RM3 800 telah tersalah catat ke Akaun Mayra.

Bagaimana kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

**A** Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Mayra	3 800	
Mira		3 800

**B** Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Mira	3 800	
Mayra		3 800

**C** Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Mayra	3 800	
Jualan		3 800

**D** Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Mira	3 800	
Jualan		3 800

- 11 Encik Peter mendapati baki Buku Tunainya berbeza dengan baki Penyata Bank yang diterima bagi bulan Julai.

Apakah yang menyebabkan perbezaan baki tersebut?

- A** Penerimaan cek telah dikreditkan oleh pihak bank.
- B** Bayaran buku cek telah dikreditkan dalam Buku Tunai.
- C** Dividen pelaburan dibayar terus ke akaun bank peniaga.
- D** Pengeluaran cek telah dikemukakan kepada bank untuk bayaran.

- 12 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Kasut Mahsuri pada 31 Julai 2018.

	RM
Inventori Purata	4 500
Jualan	28 700
Kadar Pusing Ganti Inventori	5 kali

Berapakah untung kasar?


- A RM6 200  
 B RM22 500  
 C RM24 200  
 D RM51 200
- 13 Berikut merupakan modal permulaan yang disumbangkan oleh Julia, Fattah dan Kim yang menubuhkan Perkongsian JFK.

Julia RM30 000	Fattah RM20 000	Kim RM10 000
-------------------	--------------------	-----------------

Perkongsian JFK mencatatkan kerugian sebanyak RM12 000 pada 31 Disember 2017. Kirakan Kongsu Rugi bagi Julia mengikut kaedah nisbah modal.

- A RM4 000  
 B RM6 000  
 C RM15 000  
 D RM18 000
- 14 Mengapakah berlakunya rekod tak lengkap?
- I Peniaga mengamalkan sistem catatan bergu.  
 II Peniaga mengamalkan sistem catatan tunggal.  
 III Dokumen perniagaan tidak disimpan dengan sistematik.  
 IV Peniaga merekod urus niaga ke dalam buku catatan pertama dan lejar.
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

15 Berikut adalah maklumat yang diperoleh selepas penyediaan Belanjawan Tunai.



Pilih padanan yang betul.

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

16 Maklumat berikut diperoleh dari Perniagaan Bintang Bercahaya Sdn. Bhd.

Kos belian alatan pejabat	: RM 9 600
Tarikh beli alatan pejabat	: 1 September 2016
Kadar susut nilai	: 10% setahun atas kos
Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember setiap tahun	

Berapakah susut nilai terkumpul alatan pejabat bagi tahun berakhir 31 Disember 2017?

- A RM320
- B RM960
- C RM1 280
- D RM1 920

- 17 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Elektik Zamir.

Bayar belian alat tulis pejabat berjumlah RM340 dengan cek

Apakah akaun yang betul bagi urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
<b>A</b>	Alatan Pejabat	Bank
<b>B</b>	Alat Tulis	Bank
<b>C</b>	Bank	Alatan Pejabat
<b>D</b>	Bank	Alat Tulis

- 18 Akaun manakah merupakan catatan kontra?

- I Akaun Belian
  - II Akaun Modal
  - III Akaun Ambilan
  - IV Akaun Pulangan Keluar
- A** I dan II
  - B** II dan IV
  - C** I dan III
  - D** III dan IV

- 19 Akaun berikut diperolehi dari lejar Kedai Pakaian Maju .

Akaun Tunai			
		RM	
2018		830	
Jun 13	Era Fashion		
Era Fashion			
		2018	RM
		Jun 13	Tunai 830

Apakah urus niaga yang berlaku pada 13 Jun 2018?

- A** Terima tunai RM830 daripada Era Fashion
- B** Bayar tunai RM830 kepada Era Fashion
- C** Beli barang niaga RM830 secara tunai
- D** Jual barang niaga RM830 secara tunai



20 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Jam Ehsan.

Ehsan mengambil seutas jam tangan bernilai RM1 500 untuk dihadiahkan kepada ibunya

Apakah dokumen yang digunakan oleh Kedai Jam Ehsan untuk mencatat urus niaga di atas?

- A Memo
  - B Invois
  - C Nota debit
  - D Nota kredit
- 21 Antara berikut, yang manakah boleh dilakukan oleh pengilang untuk mengurangkan Titik Pulang Modal?
- I Menaikkan harga jualan
  - II Mengurangkan kos tetap
  - III Menambahkan jumlah kos berubah
  - IV Mengurangkan jumlah margin caruman
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
- 22 Analisis ke atas penyata kewangan Perniagaan Aspura mendapati margin untung kasarnya ialah 25%. Tafsiran manakah yang betul bagi maklumat tersebut?
- A Untung kasar RM0.25 bagi setiap RM1 jualan bersih.
  - B Untung kasar RM25 bagi setiap RM1 jualan bersih.
  - C Untung kasar RM0.25 bagi setiap RM1 kos jualan.
  - D Untung kasar RM25 bagi setiap RM1 kos belian.
- 23 Antara berikut yang manakah melibatkan makluman kredit?
- A Arahan tetap
  - B Perintah sedia ada
  - C Faedah atas overdraf
  - D Faedah atas simpanan

- 24 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Syarikat Maharaja.

<b><u>Imbangan Duga pada 31 Mei 2018</u></b>		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	4 000	
Peruntukan Hutang Ragu		200

Syarikat telah bersetuju menyelaraskan Peruntukan Hutang Ragu pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima.

Apakah kesan terhadap untung bersih syarikat?

- A Untung bersih bertambah RM80
  - B Untung bersih bertambah RM120
  - C Untung bersih berkurang RM80
  - D Untung bersih berkurang RM120
- 25 Puan Rozita, pengeluar barang kosmetik tempatan memberikan maklumat berikut berkaitan pengeluaran kosmetik di kilangnya.

Kos berubah seunit	RM58
Kos Tetap	RM160 000
Kuantiti keluaran	10 000 unit
Titik Pulang Modal	6 400 unit

Berapakah harga jualan seunit kosmetik tersebut?

- A RM16
  - B RM25
  - C RM33
  - D RM83
- 26 Antara berikut, yang manakah bukan ciri akauntan sebagai pemimpin?
- A Integriti
  - B Kreativiti
  - C Kredibiliti
  - D Akauntabiliti

- 27 Kelab Memancing Taman Setia mempunyai 100 orang ahli.  
Baki-baki berikut diperoleh dari buku kelab pada 1 Januari 2017.

Yuran belum terima	RM570
Yuran belum terperoleh	RM630

Maklumat pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Yuran yang telah diterima	RM5 480
Yuran belum terperoleh	RM 580

Berapakah jumlah yuran yang dicatatkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM4 840  
B RM4 960  
C RM6 000  
D RM6 120
- 28 Akaun manakah yang disenaraikan di sebelah kredit Imbangan Duga?
- I Pulangan masuk  
II Pulangan keluar  
III Insuran prabayar  
IV Komisen belum terperoleh
- A I dan II  
B I dan III  
C II dan IV  
D III dan IV
- 29 Semua urusan niaga telah direkod oleh Kedai Runcit Ali dalam Buku Catatan Pertama.  
Pilih padanan yang tepat.

	Buku Catatan Pertama	Dokumen Sumber
A	Jurnal Jualan	Invois (Asal)
B	Jurnal Belian	Invois (Salinan)
C	Jurnal Pulangan Keluar	Nota Kredit (Asal)
D	Jurnal Pulangan Masuk	Nota Debit (Salinan)

30 Dokumen berikut diperoleh daripada Kedai Perabot Ah Heng.

ASAL	INVOIS	No: A009	
<p>Modern Electric 320 Jalan Muhibbah 70450 Seremban No Tel : 06-6754322</p>			
<p>Kedai Perabot Ah Heng Lot 12 Perindustrian Mantin 70030 Negeri Sembilan</p>		<p>Tarikh: 5 Januari 2018</p>	
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
2 unit	Pendingin hawa	1 500.00	3 000.00
Tolak : Diskaun Niaga 20%			600.00
Jumlah			2 400.00
<p>(Ringgit: Dua Ribu Empat Ratus Sahaja)</p> <p>Syarat: 5% 7 hari</p> <p>Serahan : Angkutan Dibayar</p> <p>K.&amp;K. di K.</p>			
<p><i>Ah Heng</i></p> <p>.....</p> <p>Penerima</p>		<p><i>Mimi</i></p> <p>.....</p> <p>Pengurus</p>	

Bagaimanakah urus niaga tersebut dicatatkan dalam Jurnal Am?

	Debit	Kredit
<b>A</b>	Belian	Modern Electric
<b>B</b>	Perabot	Modern Electric
<b>C</b>	Modern Electric	Perabot
<b>D</b>	Modern Electric	Belian

- 31 Imbangan Duga di bawah dipetik dari buku perniagaan Raju.

**Imbangan Duga pada 30 Jun 2018**

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian	11 000	
Jualan		8 600
Bank	27 000	
Alat tulis	200	
Akaun Belum Terima	4 512	
Akaun Belum Bayar		4112
Modal		30 000
	42 712	42 712

Kesilapan berikut telah ditemui setelah Imbangan Duga disediakan.

Jualan barang niaga secara kredit RM 3 621 telah dicatatkan dalam buku sebagai RM3 261

Berapakah jumlah Imbangan Duga pada 31 Ogos 2018 selepas kesilapan di betulkan?

- A RM42 352  
 B RM43 072  
 C RM45 973  
 D RM46 333
- 32 Maklumat berikut diperoleh daripada Hana Fesyen pada 31 Disember 2017.

	RM
Untung kasar	4 720
Hutang lapuk terpulih	720
Belanja am	510
Deposit bil elektik	800
Ambilan	300
Faedah atas simpanan	455

Berapakah untung bersih Hana Fesyen bagi tahun berakhir 31 Disember 2017?

- A RM4 885  
 B RM5 385  
 C RM5 885  
 D RM6 185

- 33 Cik Syafiqah, seorang kerani akaun telah melakukan kesilapan semasa merekod dalam lejar.

Kadar bil elektrik rumah kediamannya sebanyak RM250 telah direkod dalam Akaun Kadar Bayaran.

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan prinsip
  - B Kesilapan komisen
  - C Kesilapan songsang
  - D Kesilapan ketinggalan
- 34 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Matrix pada 31 Mac 2018.

	RM
Modal awal	50 000
Modal akhir	76 250
Modal tambahan	10 000
Ambilan	2 500

Berapakah untung bersih?

- A RM13 750
  - B RM18 750
  - C RM37 500
  - D RM57 500
- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Putri ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Mac 2019. Jualan dianggarkan berjumlah RM20 000 pada bulan Januari dan akan meningkat 10% setiap bulan. 40% daripada jualan diberi tempoh sebulan kredit.

Berapakah jumlah penerimaan pada bulan Februari 2019?

- A RM8 000
- B RM13 200
- C RM20 000
- D RM21 200

- 36 Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank yang berikut diperoleh daripada Kedai Fazli.

Buku Tunai (Ruangan Bank)

	2018		RM
	Ogos 1	Sewa (No. Cek 150745)	730

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2018					
Ogos 1	Cek	150745	370		45 200

Apakah catatan yang perlu dilakukan dalam Buku Tunai untuk membetulkan kesilapan tersebut?

- A Debit RM360
  - B Debit RM370
  - C Kredit RM360
  - D Kredit RM370
- 37 Data di bawah diperoleh daripada Kilang Kasut Andes.

	RM
Bahan Langsung	9 800
Buruh Langsung	6 800
Overhed	5 300
Kerja dalam proses awal	4 525
Kerja dalam proses akhir	3 050

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM14 325
- B RM20 425
- C RM23 375
- D RM29 475

- 38 Pada 1 Jun 2017, Syarikat Majumesra Berhad telah menerbitkan 300 000 unit 8% Syer Keutamaan bernilai RM2 sesyer dan 500 000 unit Syer Biasa pada nilai RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 30 Jun 2017.

Manakah catatan yang tepat untuk merekodkan terbitan Syer Keutamaan?

A

Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan	
Bank	RM 600 000
Akaun Bank	
	Permohonan Syer Keutamaan RM 600 000

B

Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan	
Bank	RM 48 000
Akaun Bank	
	Permohonan Syer Keutamaan RM 48 000

C

Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan	
Modal Syer Keutamaan	RM 600 000
Akaun Modal Syer Keutamaan	
	Permohonan Syer Keutamaan RM 600 000

D

Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan	
Modal Syer Keutamaan	RM 48 000
Akaun Modal Syer Keutamaan	
	Permohonan Syer Keutamaan RM 48 000



- 39** Kurangan dalam Akaun Modal pekongsi berlaku apabila
- I untung realisasi diperoleh
  - II ambilan berlebihan dibuat
  - III nilai aset yang diambil alih terlalu tinggi
  - IV modal yang disumbangkan pekongsi adalah tinggi
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV
- 40** Antara berikut yang manakah merupakan pendapatan modal sesebuah kelab?
- I Derma khas
  - II Yuran Pendaftaran
  - III Faedah atas Pelaburan
  - IV Jualan Aset Bukan Semasa
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

### **KERTAS SOALAN TAMAT**